



POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC) SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD



**“BerSATU Berintegriti,
Air Terengganu Mutlak Suci”**

**Bahagian Integriti &
Governans SATU**

 SATU	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
		Tarikh Kuatkuasa : 20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

NOTIS PENAFIAN

Polisi ini adalah hak milik Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (“SATU”) dan telah disediakan untuk kegunaan eksklusif pihak pengurusan dan kakitangan SATU.

Polisi ini diadaptasi daripada Terengganu Inc. dan telah diubahsuai untuk kegunaan dalaman SATU.

Polisi ini bertujuan untuk edaran dalaman sahaja dan sebarang pendedahan maklumat kepada mana-mana pihak ketiga atau orang yang tidak dibenarkan dianggap sebagai satu kesalahan.

PINDAAN

Pindaan terhadap polisi tertakluk kepada had kuasa yang dinyatakan dalam Had Kuasa SATU.

Diluluskan dan diterima pakai oleh Lembaga Pengarah SATU
pada Mesyuarat Lembaga Pengarah No. 1 (1/2022) yang
diadakan pada 20 Mac 2022

 SATU	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
		Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

REKOD PINDAAN

Halaman ini digunakan untuk mencatat setiap pindaan yang dibuat pada dokumen ini. Semua pindaan mesti direkodkan dengan betul. Bahagian Integriti & Governans (BIG) SATU bertanggungjawab mengendalikan rekod ini.

	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
		Tarikh Kuatkuasa : 20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

ISI KANDUNGAN

NOTIS PENAFIAN	1
PINDAAN	1
REKOD PINDAAN	2
ISI KANDUNGAN	3
SINGKATAN.....	4
1.0 OBJEKTIF.....	5
2.0 SKOP.....	5
3.0 DEFINISI.....	6
4.0 PERUNTUKAN LIABILITI KORPORAT SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009	8
5.0 KENYATAAN POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI	9
6.0 RANGKA KERJA ANTI-RASUAH DAN KORUPSI.....	10
7.0 RUJUKAN.....	22

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

SINGKATAN

ALP	: Ahli Lembaga Pengarah
KPE	: Ketua Pegawai Eksekutif
BIG	: Bahagian Integriti & Governans
COBE	: <i>Code of Business Ethics</i> (Kod Etika Perniagaan)
JKLIG	: Jawatankuasa Lembaga Integriti & Governans
MPSM	: Manual Pengurusan Sumber Manusia
SPRM	: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SATU	: Syarikat Air Terengganu Sdn.Bhd.
ABC	: Anti-Bribery and Corruption Policy

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Polisi Anti-Rasuaah dan Korupsi & (“Polisi ABC” atau “Polisi ini”) telah dibangunkan agar selaras dengan Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan menurut seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pindaannya.

2.0 SKOP

- 2.1 Polisi ini terpakai kepada semua Pengarah dan kakitangan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd..

	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : Tarikh Kuatkuasa :	SATU/BIG/2022/3 20 Mac 2022	Pindaan Terakhir : POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)
--	---	-------------------------------------	--------------------------------	---

3.0 DEFINISI

- 3.1 Definisi berikut akan digunakan secara keseluruhan polisi kecuali dinyatakan sebaliknya:
- (a) "SATU" bermaksud Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd;
 - (b) Istilah "Kakitangan" bermaksud mana-mana orang yang bekerja di SATU termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan tetap, kontrak, eksekutif, bukan eksekutif, orang kedua dan individu yang diambil secara langsung;
 - (c) Istilah "Rasuah" bermaksud perbuatan menawarkan, berjanji, memberi, menerima atau meminta manfaat yang tidak wajar atau suapan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan tanpa mengira lokasi, sebagai dorongan atau ganjaran untuk seseorang melakukan atau menahan untuk melakukan, berkaitan dengan pelaksanaan tugas orang tersebut
 - (d) Istilah "Korupsi" ialah sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar yang bertujuan mendapat kelebihan melalui cara yang tidak sah. Korupsi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, rasuah, pemerasan, penipuan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pengubahan wang haram.
 - (e) "Suapan" hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada faedah kewangan dan bukan kewangan seperti wang, derma, hadiah, pinjaman, yuran, ganjaran, sekuriti berharga, harta atau kepentingan dalam harta, harta alih atau tak alih, faedah kewangan, jawatan, maruah, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan, sebarang tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, apa-apa suapan, termasuk pertolongan yang bernilai kepada penerima, kesabaran yang bermanfaat kepada penerima, dan sebarang suapan lain seperti yang ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pindaannya ("ASPRM").

	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
		Tarikh Kuatkuasa : 20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

- (f) "Pihak Ketiga" bermaksud seseorang atau badan yang bebas daripada SATU.
- (g) "Rakan Perniagaan" termasuk tetapi tidak terhad kepada klien, pelanggan, pembekal luar, kontraktor, perunding, sub-kontraktor, pembekal, vendor, penasihat, ejen dan pengedar. Semua Rakan Perniagaan adalah pihak ketiga, tetapi bukan semua pihak ketiga ialah Rakan Perniagaan.
- (h) "Pegawai Awam" bermaksud orang yang memegang jawatan perundangan, pentadbiran atau kehakiman, sama ada melalui pelantikan, pemilihan atau penggantian, atau mana-mana orang yang menjalankan fungsi awam, termasuk untuk agensi awam atau perusahaan awam, atau mana-mana pegawai atau ejen awam tempatan atau organisasi antarabangsa, atau mana-mana calon untuk jawatan awam.
- (i) Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkara berikut hendaklah digunakanapakai:
- "Lembaga" merujuk kepada Lembaga Pengarah SATU.
 - "Ketua Syarikat" merujuk kepada Ketua Perniagaan yang menjalankan semua aspek dalam Syarikat (iaitu, memegang jawatan seperti Pengarah Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar, dsb.).
 - "Pengurusan" merujuk kepada mereka yang melaksanakan tugas mengurus fungsi tertentu SATU (cth, Pengurus Kewangan, Ketua Bahagian, dsb.)

	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : Tarikh Kuatkuasa :	SATU/BIG/2022/3 20 Mac 2022	Pindaan Terakhir : POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)
--	---	-------------------------------------	--------------------------------	---

4.0 PERUNTUKAN LIABILITI KORPORAT SEKSYEN 17A

AKTA SPRM 2009

- 4.1 Peruntukan seksyen 17A di bawah Akta SPRM 2009, menetapkan prinsip liabiliti korporat organisasi komersial (termasuk SATU) untuk amalan rasuah pekerjanya dan / atau mana-mana orang yang berkaitan dengan organisasi komersial dalam kes di mana amalan rasuah tersebut dijalankan untuk faedah atau kelebihan kepada organisasi.
- 4.2 Hukuman boleh dikenakan dalam bentuk denda tidak kurang sepuluh (10) kali ganda nilai suapan atau RM1 juta, yang mana lebih tinggi, atau penjara tidak melebihi tempoh 20 tahun, atau kedua-duanya.
- 4.3 Garis Panduan Tatacara Mencukupi telah dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri dengan objektif untuk membantu organisasi komersial memahami prosedur yang mencukupi yang harus dilaksanakan untuk mencegah berlakunya amalan rasuah dalam aktiviti perniagaan dan yang boleh dijadikan sebagai pembelaan untuk membebaskan liabiliti di bawah seksyen 17A.
- 4.4 Terdapat lima (5) prinsip yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam membantu organisasi komersial seperti berikut:
- (a) Top Level Commitment (Komitment Pengurusan Atasan)
 - (b) Risk Assessment (Analisa Risiko)
 - (c) Undertake Control Measures (Pelaksanaan Langkah Kawalan)
 - (d) Systematic Review, Monitoring and Enforcement (Pemantauan, Penilaian dan Penguatkuasaan Secara Sistematik)
 - (e) Training and Communication (Latihan dan Komunikasi)

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	


5.0 KENYATAAN POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI

- 5.1 SATU komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan perniagaan dan hubungannya tidak kira di mana sahaja ia beroperasi, dan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan sistem yang berkesan untuk menentang rasuah dan korupsi. Kedua-dua rasuah dan korupsi adalah kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta SPRM 2009 dan pindaannya.
- 5.2 Pendirian anti-rasuah dan korupsi SATU adalah seperti berikut:
- (a) SATU mengamalkan pendekatan Toleransi Sifar (*Zero Tolerance*) terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi.
 - (b) Semua pengarah dan kakitangan tidak boleh menawarkan, berjanji, memberi, meminta atau menerima sebarang rasuah dan/atau suapan lain yang tidak wajar untuk mencapai apa-apa kepentingan perniagaan mahupun peribadi untuk diri mereka sendiri atau orang lain, atau terlibat dalam sebarang transaksi yang melanggar mana-mana undang-undang anti-rasuah atau anti-korupsi yang terpakai.
 - (c) SATU berpegang kepada Polisi "Tiada Hadiah", walaupun terdapat pengecualian tertentu dibenarkan.
 - (d) Berurusan dengan pihak ketiga termasuk klien, rakan kongsi usaha sama, kontraktor, perunding, pembekal, vendor, penasihat, ejen dan wakil mesti dijalankan dengan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dan hendaklah selaras dengan nilai dan prinsip Kod Etika Perniagaan ("COBE") SATU.
 - (e) SATU menggalakkan kakitangannya atau pihak berkepentingan lain untuk membuat sebarang pendedahan secara terbuka dan jujur, dan akan dilayan dengan adil dan sewajarnya.

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

6.0 RANGKA KERJA ANTI-RASUAH DAN KORUPSI

- 6.1 Rajah di bawah menunjukkan bagaimana pelbagai polisi, prosedur dan kawalan pengurusan SATU menangani lima (5) prinsip yang digariskan dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi.



 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

6.2 Top Level Commitment (Komitment Pengurusan Atasan)

(a) Lembaga Pengarah SATU, Pengurusan dan mana-mana jawatan yang mempunyai fungsi berkaitan bertanggungjawab untuk memastikan prosedur yang disediakan mencukupi. Tanggungjawab utama masing-masing adalah seperti berikut:

FUNGSI	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB
Lembaga Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> i) Menentukan pendirian SATU terhadap anti-rasuh dan korupsi. ii) Mengawasi pembentukan, penubuhan, pindaan dan kajian semula polisi ABC SATU; dan iii) Menggalakkan budaya Integriti termasuk menguruskan risiko rasuah SATU.
Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> i) Polisi ABC perlu dilaksanakan dalam semua peringkat organisasi syarikat dan melantik "<i>Tone at the Top</i>" yang betul. ii) Melantik orang yang cekap atau berpengetahuan untuk bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan pengendalian Polisi ABC. iii) Semak program pematuhan anti-rasuh, yang merangkumi dasar dan objektif yang jelas menangani risiko rasuah dengan secukupnya; dan iv) Menggalakkan budaya integriti dalam SATU.
Integriti & Tadbir Urus	<ul style="list-style-type: none"> i) Memastikan pelaksanaan Polisi ABC. ii) Memberi nasihat dan bimbingan kepada SATU tentang polisi ABC dan isu berkaitan rasuah dan korupsi.

	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
		Tarikh Kuatkuasa : 20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

	<ul style="list-style-type: none"> iii) Membantu ALP/JKLIG dan Pengurusan dalam mempromosikan budaya integriti. iv) Melaporkan kepada JKLG sebarang isu penting berkaitan anti-rasauh dan korupsi. v) Memastikan sistem kawalan dalaman ditubuhkan dan dapat memberikan jaminan munasabah bahawa risiko rasauh diuruskan. vi) Menjalankan Usaha Wajar yang ditambahbaik (jika perlu). vii) Menyediakan latihan yang mencukupi kepada pekerja untuk memastikan mereka memahami secara menyeluruh pernyataan anti-rasauh syarikat, terutamanya peranan mereka di dalam atau di luar syarikat; dan viii) Untuk membantu ALP dalam menjalankan semakan/penyiasatan khas apabila diminta.
Modal Insan	<ul style="list-style-type: none"> i) Melakukan pemeriksaan latar belakang untuk semua kakitangan baru. Tujuannya adalah untuk mewujudkan standard dalam mengambil dan mempromosikan individu yang berkelayakan dengan penekanan pada pengalaman kerja terdahulu, pencapaian yang lepas dan bukti integriti dan tingkah laku beretika, serta menunjukkan komitmen syarikat kepada orang yang cekap dan boleh dipercayai; dan ii) Memastikan pelaksanaan tindakan tatatertib yang sesuai mengikut Manual Pengurusan Sumber Manusia (MPSM).

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

Perhubungan Awam & Komunikasi Korporat	Untuk menjalankan usaha wajar sebelum membuat komitmen terhadap penajaan & derma yang diminta oleh pihak berkepentingan luar untuk memastikan permintaan adalah sah dan sebarang amaran terhadap masalah berpotensi tinggi diselesaikan sebelum melakukan aktiviti atau dana.
Perolehan	Untuk menjalankan usaha wajar terhadap mana-mana pihak yang berkaitan seperti vendor, kontraktor, pembekal, atau perunding (jika perlu)
Undang-undang	Untuk memberikan nasihat perundangan apabila diminta oleh mana-mana pihak berkenaan dengan anti-rasuah dan korupsi.
Pengurusan Risiko	Untuk membantu mengenalpasti risiko dan penilaian risiko yang berkaitan dengan rasuah.
Audit dalaman	<ul style="list-style-type: none"> i) Untuk menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program pencegahan rasuah dan memastikan program dikuatkuasakan. ii) Untuk membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam menjalankan siasatan; dan iii) Melaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan mengenai penilaian kawalan dalaman, pemerhatian audit, penyiasatan dan aktiviti berkaitan.

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

(b) Bagi syarikat menangani dan menguruskan risiko rasuah serta korupsi dengan berkesan, semua kakitangan tanpa mengira jawatan diharapkan memahami dan mematuhi polisi ini. Peranan dan tanggungjawab kakitangan adalah seperti berikut:

FUNGSI	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB
Kakitangan	<p>i) Untuk mematuhi standard dan larangan yang dikenakan oleh undang-undang yang terpakai serta peraturan dan undang-undang SATU.</p> <p style="text-align: center;">UNTUK MEMPUNYAI PEMAHAMAN ASAS TENTANG RASUAH DAN KORUPSI SERTA BERWASPADA DENGAN <i>THE RED FLAGS</i>.</p> <p>ii) Untuk menyokong SATU dalam menguruskan rasuah dan korupsi dengan melaporkan mana-mana yang disyaki dan/atau insiden rasuah sebenar atau ketidakpatuhan kepada Polisi ABC; dan</p> <p>iii) Untuk membaca dan memahami polisi-polisi dan prosedur yang berkenaan dengan pematuhan anti-rasuah (iaitu, buku panduan Anti-rasuah & Korupsi, Polisi Tiada hadiah, Kod Etika Perniagaan dan Polisi Pemberi Maklumat).</p>

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

6.3 Corruption Risk Assessment (Penilaian Risiko Rasuah)

- (a) Proses Penilaian Risiko Rasuah membantu SATU mengatasi kelemahan struktur yang boleh memudahkan rasuah atau korupsi berlaku.
- (b) SATU harus mewujudkan proses pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko rasuah.
- (c) SATU harus menjalankan penilaian risiko rasuah dan korupsi secara berkala dan apabila terdapat perubahan dalam undang-undang atau keadaan perniagaan.

6.4 Undertake Control Measure (Pelaksanaan Langkah Kawalan)

- (a) Usaha Wajar
 - (i) Usaha wajar ialah proses untuk menyaring pihak dalaman dan pihak ketiga dan mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menilai pihak ini termasuk mengenal pasti sebarang *red flags* yang mungkin menunjukkan risiko yang berpotensi lebih tinggi berkaitan dengan kemungkinan risiko rasuah atau integriti.
 - (ii) Usaha wajar mungkin termasuk carian melalui pangkalan data yang berkaitan, menyemak hubungan dengan pegawai awam, pengisytiharan kendiri, dll. Keputusan proses usaha wajar mesti didokumentasikan dan disimpan selama sekurang-kurangnya **tujuh (7) tahun**; untuk dikemukakan atas permintaan oleh pihak berkenaan.

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

(b) Polisi Anti-rasuaah dan Korupsi

Beberapa polisi dan rangka kerja semasa SATU telah menjadi asas untuk menyokong budaya Integriti dan tadbir urus yang baik. Ini adalah merangkumi tetapi tidak terhad kepada:

(i) Kod Etika Perniagaan (“COBE”)

Ia menetapkan prinsip, amalan dan standard tingkah laku peribadi dan korporat. COBE SATU, di antara lain menerangkan garis panduan yang luas mengenai perkara berikut:

- Tanggungjawab pekerja.
- Amalan perniagaan.
- Konflik kepentinginan.
- Penyalahgunaan Maklumat dan Perdagangan Dalaman; dan
- Berurus dengan pihak ketiga, kerajaan dan komuniti.

(ii) Polisi Tiada Hadiah

Memberi atau menerima hadiah selalunya merupakan bahagian penting dalam mengekalkan dan mengembangkan hubungan perniagaan. SATU berpegang kepada Polisi "Tiada Hadiah", walaupun terdapat pengecualian tertentu yang dibenarkan. Sebarang hadiah yang boleh diterima hendaklah diberi kebenaran, diproses dan direkodkan mengikut Polisi Tiada Hadiah SATU.

	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
		Tarikh Kuatkuasa : 20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

(iii) Polisi Tajaan & Sumbangan

Sumbangan dan tajaan yang tidak wajar atau berlebihan boleh dianggap sebagai satu bentuk rasuah dan korupsi, mungkin mempunyai kesan yang negatif ke atas SATU seperti kesan dari segi undang-undang, kerugian kewangan atau kerosakan reputasi. Pengarah dan pekerja mesti memastikan semua tajaan dan derma tidak digunakan sebagai tipu muslihat untuk rasuah dan korupsi. SATU akan menggunakan Polisi Tajaan & Sumbangan Terengganu Inc yang telah menetapkan prinsip dan larangan khusus ke atas sumbangan dan tajaan yang akan dibuat oleh SATU.

(iv) Polisi Pemberi Maklumat

SATU amat menggalakkan pelaporan kes sebenar dan yang disyaki atau aktiviti rasuah dan korupsi yang mencurigakan tanpa rasa takut akan sebarang bentuk tindakan balas. Sebarang perbuatan rasuah dan korupsi yang didakwa atau disyaki tidak wajar boleh didedahkan menggunakan saluran berikut.

- Aduan menerusi pautan laman web satuwater.com.my.
- Alamat e-mel selamat di:
whistleblower@satuwater.com.my.
- Secara bertulis atau berjumpa sendiri Ketua Bahagian Integriti Governans di Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd., Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu.

	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
		Tarikh Kuatkuasa : 20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

(v) SATU telah mengenal pasti bahagian tertentu yang juga terdedah kepada risiko rasuah seperti berikut:

➤ **Bahagian Modal Insan**

Bahagian Modal Insan perlu melakukan saringan AADK kepada semua kakitangan SATU dari semasa ke semasa bergantung kepada situasi.

➤ **Bahagian Perolehan**

SATU perlu melaksanakan *Integrity Pact* bagi mematuhi Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan oleh SPRM.

➤ **Bayaran Kemudahan (*Facilitation payment*)**

SATU mengamalkan dasar yang tegas untuk tidak membenarkan penggunaan sebarang bayaran kemudahan. Bayaran kemudahan ialah bayaran yang diterima atau dibuat kepada pembuat keputusan atau kakitangan pentadbiran (sama ada dalam sektor awam atau swasta) untuk mempercepatkan proses atau mendapatkan lesen/permit, dsb. Satu-satunya situasi yang dibenarkan untuk membuat pembayaran kemudahan adalah apabila pekerja berada dalam bahaya; bayaran kemudahan dibenarkan untuk keselamatan pekerja. Walaubagaimanapun, pekerja hendaklah segera melaporkan kejadian tersebut kepada Ketua Modal Insan atau Ketua Bahagian Integriti & Governans.

➤ **Surat Sokongan**

SATU menawarkan kontrak dan jawatan pekerja semata-mata berdasarkan merit. Oleh itu, surat sokongan dalam semua bentuk tidak boleh diiktiraf sebagai sebahagian daripada sebarang proses membuat keputusan.

	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
		Tarikh Kuatkuasa : 20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

➤ Pengambilan pekerja

SATU menitikberat nilai integriti dalam diri kakitangannya. Syarat pengambilan, latihan, penilaian prestasi, imbuhan, pengiktirafan dan kenaikan pangkat untuk semua pekerja, termasuk pengurusan, hendaklah direka bentuk dan dikemaskini secara berkala bertepatan dengan nilai integriti. Calon akan dipilih berdasarkan kriteria pemilihan seperti yang ditetapkan oleh polisi dan prosedur pengambilan. Kriteria pemilihan hendaklah termasuk carian latar belakang untuk memastikan calon tidak disabitkan kesalahan dalam mana-mana kes rasuah atau korupsi.

➤ Anti-Pengubahan Wang Haram (“AML”)

AML ialah satu proses menukar wang tunai atau harta yang diperoleh daripada aktiviti jenayah untuk memberikan status yang sah. Pengarah dan pekerja dilarang daripada terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti jenayah, termasuk pengalihan, penyembunyian, penerimaan, penggunaan atau pelupusan hasil tersebut.

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

6.5 Pemantauan, Penilaian dan Penguatkuasaan Secara Sistematik
(Systematic Review, Monitoring and Enforcement)

- (a) Audit Dalam hendaklah memantau dan menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan Polisi ABC dan programnya. Melalui hasil semakan kelemahan yang dikesan, dapat memberi peluang penambahbaikan terhadap program yang telah dilakukan.
- (b) BIG hendaklah memantau prestasi SATU berhubung dengan pematuhan anti-rasuah dan korupsi dan akan melaporkan kepada JKLiG setiap Suku Tahun.
- (c) SATU boleh mempertimbangkan melantik mana-mana pihak ketiga yang bebas sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk mendapatkan jaminan bahawa SATU beroperasi mengikut polisi dan prosedur bertepatan berkaitan rasuah.
- (d) SATU mempunyai hak untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana kakitangan yang didapati melakukan pelanggaran terhadap polisi ini. Selain daripada tindakan tatatertib, mana-mana kakitangan yang melakukan rasuah atau korupsi berisiko melanggar Akta SPRM 2009 dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penalti seperti yang ditetapkan di bawah Akta tersebut.

 SATU SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan :	SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa :	20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)	

6.6 Latihan dan Komunikasi (*Training and Communication*)

- (a) Objektif latihan dan komunikasi adalah untuk memastikan pendirian anti-rasuah dan korupsi disampaikan kepada semua kakitangan dan pihak ketiga.
- (b) Latihan dan kesedaran kepada kakitangan adalah termasuk berkenaan polisi anti-rasuah dan korupsi, akibat daripada ketidakpatuhan, peranan dan tanggungjawab atau sebarang perubahan keadaan yang mungkin berkaitan dengan kakitangan.
- (c) SATU boleh mempertimbangkan untuk menyediakan latihan khusus kepada beberapa rakan perniagaan yang mungkin mendedahkan SATU kepada risiko yang lebih tinggi, kerana sebarang tindakan rasuah atau korupsi yang dijalankan oleh rakan perniagaan dengan niat untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau kelebihan perniagaan untuk SATU mungkin menyebabkan SATU menanggung liabiliti korporat berhubung Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pindaannya.

 SATU	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.	No. Rujukan : SATU/BIG/2022/3	Pindaan Terakhir :
		Tarikh Kuatkuasa : 20 Mac 2022	POLISI ANTI-RASUAH & KORUPSI (ABC)

7.0 RUJUKAN

- 7.1 Polisi ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan mana-mana polisi sedia ada lain yang terpakai bagi SATU:
- (a) Kod Etika Perniagaan SATU;
 - (b) Polisi Tiada Hadiah SATU;
 - (c) Polisi Pemberi Maklumat SATU; dan
 - (d) MPSM.



Bahagian Integriti & Governans

Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.

Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.



09-6214111



09-6201104

